

05/04/2000

Maklumat sebenar untuk pelajar

reports on "Dewan Rakyat" by Jamhariah Jaafar; Magendran Rajagopal KERAJAAN akan meningkatkan usaha memberi maklumat yang benar mengenai perkembangan semasa negara kepada rakyat dan pelajar di luar negara bagi menangkis dakwah yang disebar media asing.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata penjelasan dibuat mengikut kumpulan sasar tertentu, bergantung kepada jenis maklumat yang dikehendaki dan perlu diterangkan.

Menjawab soalan Datuk Wira Abu Seman Yusop (BN-Alor Gajah), Syed Hamid berkata tindakan itu dilakukan secara berterusan dan bukan sekadar reaksi hanya apabila ada isu tertentu yang berbangkit.

"Semua wakil negara, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerap mengadakan perjumpaan dengan rakyat serta pelajar apabila berada di luar negara bagi menjawab sebarang soalan.

"Selain itu, perwakilan kita di luar negara turut dibekalkan akhbar tempatan bagi membolehkan rakyat negara ini mendapat gambaran sebenar mengenai keadaan di sini selain mengadakan sesi dialog dan perbincangan.

Menjawab soalan tambahan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar) pula, Syed Hamid berkata penyebaran maklumat dibuat mengikut kumpulan sasar bagi memastikan mereka menerima maklumat yang dicari.

Katanya, sesi dialog juga diadakan pada setiap perjumpaan bagi mendapat maklum balas mengenai pandangan masyarakat asing terhadap negara serta menjawab kemusykilan tertentu yang dikemukakan.

Sementara itu dalam soalan berasingan, Lim Hock Seng (DAP-Bagan) meminta penjelasan mengenai peranan anggota Anggota Tentera Malaysia dalam Pasukan Pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Timor Timur.

Kata Syed Hamid, penghantaran 20 anggota ATM dilakukan atas permintaan Setiausaha Agung PBB sendiri berdasarkan kepada keyakinan bahawa mereka dapat melaksanakan tugas secara profesional.

Menjawab soalan Abu Seman mengenai perubahan sikap masyarakat Timor Timur yang pada mulanya menentang kehadiran negara di wilayah itu, Syed Hamid berkata ia berpunca daripada salah faham.

"Lawatan Presiden Majlis Revolusi Timor Timur, Xanana Gusmao, Februari lalu meleraikan segala kekusutan selepas beliau menyaksikan sendiri keadaan di sini dan pendirian negara mengenai wilayah terbabit.

"Malah, beliau meminta lebih ramai anggota ATM di hantar ke sana dan ketua pasukan pengaman PBB digilirkan di kalangan negara Asia serta meminta Malaysia mengambil alih menjadi ketua selepas ketua sekarang, Filipina," katanya.

Tambah Syed Hamid, selain bertugas di bawah UNCTAD, anggota ATM juga berperanan sebagai pegawai perhubungan dan penterjemah.

Itu adalah tambahan kepada tugas rasmi membantu proses gencatan senjata, pembubaran pasukan bersenjata dan menyelaras proses intergrasi ke dalam masyarakat bagi Pasukan Pembebasan Kemerdekaan Timor Timur.

Syed Hamid berkata, pemimpin Timor Timur juga meminta bantuan negara dalam membangunkan wilayah itu dan kerajaan kini sedang dalam proses merangka pakej bantuan yang sesuai.

(END)